



16 AUG, 2020

Pegawai PBT ditempatkan cara penggiliran

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Pegawai PBT ditempatkan cara penggiliran



ZURAIDA Kamaruddin (kiri) memotong hasil tanaman sempena majlis pelancaran Kebun Komuniti di PPR Lembah Subang, semalam. • Foto BERNAMA

PETALING JAYA: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang berusaha memperkenalkan sistem penggiliran penempatan antara pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai langkah menyelesaikan serta membendung amalan salah laku seperti rasuah dalam PBT.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, perkara ini masih di peringkat

perbincangan antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerajaan negeri dan garis panduan bagi sistem itu dijangka dapat disiapkan hujung tahun ini.

"(Sistem ini) boleh bantu meningkatkan prestasi dan pengalaman mereka (pegawai PBT), malah dapat mendedahkan mereka dengan pengalaman serta ilmu baharu," katanya selepas merasmikan majlis Kebun

Komuniti di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2 di sini semalam yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Zuraida mengulas isu berkaitan beberapa pegawai Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang telah ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terlibat kegiatan rasuah

berhubung premis perniagaan dijalankan tanpa lesen di Sungai Buloh.

Mengenai kerja-kerja meroboh infrastruktur haram di sekitar Sungai Buloh, Zuraida berkata MBSA akan menempatkan semula peniaga yang terjejas susulan operasi tersebut di 24 lot premis perniagaan yang dijangka siap dalam tempoh enam bulan.

"Bagaimanapun saya difahamkan ada 80 peniaga, jadi 24 lot ini adalah berdasarkan angka yang mereka (pihak MBSA) ada pada awalnya. Jadi yang selebihnya, kami akan buat satu tempat sementara untuk mereka berniaga sekiranya mereka berminat.

"Hari ini mereka (pihak MBSA) mengadakan dialog dengan semua peniaga terlibat agar mereka (peniaga) mohon lesen, apabila dapat permit dan lesen (peniaga) boleh berniaga di tempat yang dibina MBSA," katanya.

Zuraida turut berkata, perobohan gerai haram di Sungai Buloh dilakukan oleh pemilik gerai itu sendiri kerana mungkin mereka bimbang akan dikenakan tindakan saman. - Bernama



16 AUG, 2020

Pegawai PBT ditempatkan cara penggiliran

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

ZURAIIDA Kamaruddin (kiri) memotong hasil tanaman sempena majlis pelancaran Kebun Komuniti di PPR Lembah Subang, semalam. • Foto BERNAMA

PETALING JAYA: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang berusaha memperkenalkan sistem penggiliran penempatan antara pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai langkah menyelesaikan serta membendung amalan salah laku seperti rasuah dalam PBT.